



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
SIRI NENG BUAH

PAKAR RUJUK ADAT PERPATIH & ADAT TEMENGGONG, PAKAR RUJUK  
TAPAK WARISAN DUNIA (UNESCO) DAN SUMBER UTAMA UNTUK SEJARAH-  
SEJARAH DI MALAYSIA-THAILAND

OLEH:

NIK IRSAA'L BINTI NIK LAH	2013520603
MAHFUZAH BINTI MAZLAN	2013145081

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
SIRI NENG BUAH  
PAKAR RUJUK ADAT PERPATIH & ADAT TEMENGGONG, PAKAR RUJUK  
TAPAK WARISAN DUNIA (UNESCO) DAN SUMBER UTAMA UNTUK SEJARAH-  
SEJARAH DI MALAYSIA-THAILAND

OLEH:

NIK IRSaal BINTI NIK LAH	2013520603
MAHFUZAH BINTI MAZLAN	2013145081

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia-Nya, dapat kami menyiapkan projek Sejarah Cerita Rakyat di Negeri Kelantan ini dengan jayanya. Kami berharap agar projek ini dapat memberikan manfaat dan dijadikan rujukan kepada pihak yang berminat.

Pertama sekali, sekalung penghargaan kami tujukan kepada Encik Siri Neng Buah. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian beliau untuk diwawancara sebagai orang yang berpengalaman dalam mengetahui kewujudan asal usul negeri Kelantan. Kesudian dan kerjasama beliau amatlah dihargai.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nor Kamariah binti Chik selaku pensyarah kami untuk kursus ini iaitu *Oral Documentation* atau Dokumentasi Lisan (IMR 604). Penghargaan ini ditujukan atas usaha sama yang telah beliau berikan dari segi nasihat dan mengajar kami teknik-teknik untuk membuat dan menyiapkan projek ini. Tanpa bantuan dan tunjuk ajar beliau pasti kami menghadapi masalah dan sukar untuk menyiapkan tugas ini dengan sempurna.

Di samping itu, ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang tidak putus-putus memberikan sokongan, semangat dan pandangan dalam menyiapkan tugas ini. Jasa dan kerjasama dari semua pihak amat kami hargai. Sesungguhnya hanya Allah s.w.t. sahaja yang mampu membalaunya.

Sekian, terima kasih.

# **ISI KANDUNGAN**

# **ISI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v - viii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1 - 9
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan Tokoh.....	10 - 14
Bahagian 3: Kewujudan Asal Usul Nama Negeri Kelantan.....	14 - 37
Lampiran	
Log Wawancara.....	38 - 39
Diari Kajian.....	40 - 42
Senarai soalan.....	43 - 48
Surat Perjanjian.....	49
Gambar.....	50 - 51
Indeks.....	52 - 53

# ABSTRAK

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi temu bual bersama Encik Siri Neng Buah atau lebih mesra disapa dengan gelaran Pak Siri. Transkrip temu bual ini dijalankan di halaman rumah Pak Siri sendiri iaitu di Lot 352 Kampung Kok Seraya, Chabang empat Tumpat, Kelantan. Beliau merupakan seorang kakitangan awam yang sudah bersara dan pakar dalam bidang sosio budaya dan warisan kesenian dalam Malaysia dan Thailand. Sehingga ke hari ini beliau dianugerahkan oleh kerajaan Malaysia sebagai tokoh orang hidup seni warisan dan kebudayaan serta pakar rujuk tapak UNESCO. Sifat beliau yang suka membantu orang juga jelas terpancar apabila beliau sangat teruja untuk membantu penyelidik dalam temu bual yang bertajuk Pak Siri dan negeri Kelantan. Temu bual ini menumpukan tentang pengkisahan beliau berkaitan tajuk penyelidik sendiri mengenai sejarah dan cerita rakyat tentang kewujudan negeri Kelantan dan asal usul nama negeri kelantan. Beliau juga akan menceritakan nama-nama tempat serta keunikan daerah atau jajahan di Kelantan. Sebagai seorang yang berpengalaman dalam permainan wayang kulit iaitu memegang watak penting sebagai tok dalang, pak siri mempunyai banyak pengetahuan yang luas berkenaan dengan cerita-cerita sejarah di Kelantan.*

**Kata kunci:** *Siri nengbuah, warisan kesenian, wayang kulit, tokoh orang hidup, UNESCO.*

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**

Nama	:	Siri Neng Buah
Tarikh Lahir	:	9 December 1953
Tempat Lahir	:	Besut Terengganu
Jantina	:	Lelaki
Wargane gara	:	Malaysia
Status Perkahwinan	:	Berkahwin
Nama Isteri	:	Mek Kechiom a/p Eh Phreng
Jawatan	:	Kakitangan kerajaan (bersara)
Bilangan anak	:	3 orang
Alamat	:	Lot 352, Kg. Kok Seraya, Chabang Empat, 16200 Tumpat, Kelantan.
Email	:	<u>sirinengbuah@yahoo.com</u>
Akademik	:	Sarjana Muda Sains Sosial (Kepujian) Sains Universiti Malaysia (1989)
	:	Sekolah Swasta Kota Bharu
	:	Sekolah Melayu Tumpat
	:	Belajar bahasa Thai watt Phikulthong, Kg. Terbak, Tumpat, Kelantan.
	:	Sekolah Umum Keluang (JAWI)
Pengalaman	:	Pakar Rujuk Tapak UNESCO
	:	Pakar Rujuk Ensiklopedia
	:	Tokoh Orang Hidup di Warisan Seni dan Kebudayaan

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Negeri Kelantan yang mempunyai seni budaya tradisional yang unik ini juga mempunyai sejarah persinggahsanaan yang menarik. Diriwayatkan dalam tahun 1411M (814H) di Kelantan, terdapat seorang Raja yang beragama Islam bernama Raja Ku Umar. Tetapi sehingga kini ahli-ahli sejarah masih belum dapat mengesani daripada manakah asalnya Raja Ku Umar ini. Walau bagaimanapun baginda Raja Ku Umar telah menjalinkan hubungan muhibbah dengan Maharaja China, dan sebaliknya dalam tahun 1412M, baginda Raja Ku Umar telah menerima persembahan balas berupa kain-kain sutera dan surat kepujian daripada Maharaja China itu.

Selepas pemerintahan Raja Ku Umar lahir pula pemerintahan Sultan Iskandar sehingga 1465M. Kemudian Kelantan diperintah pula oleh Putera Baginda Sultan Mansur. Dalam zaman pemerintahan Sultan Mansur, nama Kelantan telah menjadi masyhur sehingga ke negeri Melaka di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Shah. Pada 1477M, Sultan Melaka ini telah menghantar bala tenteranya untuk menyerang Kelantan. Walau bagaimanapun ia berakhir dengan satu simpulan peristiwa yang menarik, iaitu baginda Sultan Mahmud Shah telah berkahwin dengan Puteri Sultan Mansur yang bernama Onang Kening, yang kemudian menjadi bonda kepada Raja Perak yang pertama, iaitu Sultan Muzaffar Shah (1528M).

Apabila Sultan Mansur Shah mangkat 1526M (928H), maka putera baginda, Raja Gombak ditabalkan menjadi Sultan dengan gelaran "Sultan Gombak". Setelah baginda Raja Gombak mangkat, maka cucunda baginda yang telah dijadikan putera angkat, iaitu Raja Ahmad, ditabalkan menjadi Sultan Kelantan pada 1584M (992H). Dengan gelaran Sultan Ahmad, Baginda telah berkahwin dengan Cik Banun Puteri Seri Nara DiRaja, iaitu sepupu kepada Raja Hussein di sebelah isteri Lela Wangsa Pahang. Baginda berdua telah dikurniakan seorang puteri dinamakan Cik Siti Wan Kembang.

Baginda Sultan Ahmad mangkat pada 1589M, sewaktu puteri baginda Cik Siti Wan Kembang berusia 4 tahun, dan oleh sebab itu Raja Hussein dari Johor telah dilantik menjadi Pemangku Raja Pemerintah Kelantan. Bila Raja Hussein mangkat pada 1610M (1018H),

maka Cik Wan Kembang ditabalkam menjadi Permaisuri Kelantan. Baginda bersemayam di Gunung Chinta Wangsa, Ulu Kelantan, kira-kira 40 kilometer ke arah tenggara Kuala Krai.

Pemerintahan Cik Siti Wan Kembang di Gunung Chinta Wangsa menjadi terkenal menyebabkan banyak dikunjungi oleh pedagang-pedagang dari dalam dan luar negeri termasuk juga orang-orang Arab yang menggelarkan Cik Wan Kembang dengan panggilan "Paduka Cik Siti". Baginda mempunyai seekor kijang yang kemudiannya menjadi lambang kebesaran negeri Kelantan.

Semasa dalam pemerintahan Cik Siti Wan Kembang, telah timbul sebuah lagi kerajaan berpusat di Jembal, di bawah pemerintahan Raja Sakti 1638M (1046H). Setelah baginda mangkat, maka putera baginda, Raja Loyor telah ditabah menjadi Sultan pada 1649M (1059H). Baginda dianugerahkan dengan dua orang cahaya mata iaitu seorang putera, Raja Sakti yang mangkat sewaktu masih kecil dan seorang puteri bernama Puteri Saadong.

Hubungan baik telah terjalin di antara Kerajaan Cik Siti Wan Kembang dengan Kerajaan Loyor di Jembal. Baginda mengambil Puteri Saadong sebagai anak angkat yang akan mewarisi takhta kerajaan sepeninggalannya nanti. Puteri Saadong seorang gadis ayu yang cantik dan jelita, digelar oleh penduduk Gunung Chinta Wangsa sebagai Puteri Wijaya Mala. Perihal kecantikan Puteri Saadong itu telah sampai kepada Maharaja Siam yang menghantar utusan untuk meminang Puteri Saadong, tetapi ditolak. Puteri Saadong telah dikahwinkan dengan Raja Abdullah iaitu sepupunya, dan telah dimahkotakan di Kota Tegayong (Tanah Serendah Sekebun Bunga Cherang Tegayong) dan kemudiannya dipindahkan ke Kota Jelasin di Kota Mahligai.

Puteri Saadong telah diculik oleh Penglima Tentera Siam bernama Phraya Decho dan dibawa kepada Narai Maharaja Siam (1656-1688), kerana kesetiaannya pada suami baginda tidak boleh disentuh oleh Maharaja Siam. Setelah Puteri Saadong kembali ke Kelantan telah berlaku pergaduhan dengan Raja Abdullah. Akibat pergaduhan itu Raja Abdullah terkorban kerana kena tikaman cucuk sanggul Puteri Saadong.

Selepas kemangkatan Raja Abdullah, Puteri Saadong telah melantik Raja Abdul Rahim iaitu saudara raja Abdullah menjadi Sultan di Kota Mahligai pada 1671M (1082H) dan

dikahwinkan dengan janda Raja Abdullah, anak Penghulu Ngah Jembal. Selepas itu Puteri Saadong menjadi Raja di Bukit Marak dan sejak itu kisahnya tidak dapat dikesan lagi.

Kemudian, Raja Abdul Rahim telah mangkat ditikam oleh rakyatnya di tepi Tasek Lelayang Mandi. Dengan itu putuslah sejarah "kerajaan mahligai" dan wujud pula Kerajaan Jembal yang pada waktu itu terletak dibawah pemerintahan Raja Omar yang bergelar Sultan Omar pada 1675M (1086H).

Raja Omar adalah adinda kepada Raja Loyor yang sebelum itu telah bergelar Temenggong Sultan Omar mempunyai lima orang putera dan puteri, iaitu Raja Kecil Sulung, Raja Ngah yang bergelar Raja Hudang, Raja Nah, Raja Sakti dan Raja Pah. Setelah Raja Omar mangkat pada 1721M (1132H), Baginda Long Bahar telah ditabah menjadi Sultan di Jembal atas kehendak puteri sulungnya, Raja Kecil Sulung.

Baginda Long Bahar adalah putera Raja Petani (Wan Daim) yang bergelar Datuk Pengkalan Tua yang berhijrah ke Kelantan bersama ayahandanya dan berkahwin dengan Raja Pah Binti Sultan Umar dan bersemayam di Sening dekat Jembal. Long Sulaiman (Wan Anom Long Nik) anak Long Bahar dengan Raja Perempuan Patani bergelar Mas Kelantan mempunyai seorang putera bernama Long Yunus dan dua orang puteri, iaitu Tuan Dewi dan Tuan Kembang yang berkahwin dengan Long Deraman putera Tuan Senik Geting yang memerintah di Legeh.

Pada 1756M (1169H) telah berlaku serangan untuk merebut takhta dan akhirnya telah membawa kemangkatan Long Sulaiman. Berikutnya Long Pandak, sepupu Long Sulaiman telah dilantik menjadi Raja Kubang Labu, dan adiknya pula Long Muhammad dilantik menjadi Raja Muda. Kemudiannya pada 1758M, Long Pandak telah mangkat di tangan Long Deraman kerana membala dendam terhadap perbuatan Long Pandak membunuh isterinya Tengku Tengah iaitu adik Long Deraman.

Dalam peperangan pada 1762M, Pihak sebelah Long Muhammad dan Long Deraman telah tumpas dan Kerajaan Kubang Labu telah dapat dikuasai oleh Long Yunus. bagi mengenang jasa yang membantunya dalam peperangan itu, maka baginda Long Yunus telah melantik Long Gaffar menjadi Perdana Menteri dengan diberi gelaran Engku Sri Maharaja Perdana Menteri memerintah dari kawasan Jeram sampai ke Pasir Tumbuh.

Mandur Mis dilantik sebagai Mendahari Negeri bergelar Engku Mendahari Seri Maharaja Wangsa memerintah Lundang, Penghulu Adas memerintah disebelah hulu Sungai Nilam Puri dengan diberi gelaran Penghulu Menteri Seri Bija D'Raja dan Raja Langsuring memerintah Sebelah Hulu Pulau, Tanah Merah bergelar Engku Pahlawan Seri Maharaja Dalam. Baginda Long Yunus telah berjaya menyatukan seluruh pemerintahan negeri Kelantan yang banyak itu dengan meletakkannya dibawah satu pemerintahan pusat sahaja.

# **TRANSKRIP**

## TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang temuramah penyelidik dari UiTM Machang bersama Tokoh pakar rujuk di Malaysia dan Thailand berkaitan hal-hal sejarah dan adat-adat yang diamalkan dalam Malaysia seperti adat perpatih dan adat temenggong. Temuramah ini diadakan di rumah Encik Siri Neng Buah atau lebih mesra digelar Pak Siri di halaman rumah beliau yang terletak di Kok Seraya, Tumpat, negeri Kelantan. Penyelidik bakal menemu ramah Pak Siri mengikut tajuk penyelidik iaitu kewujudan negeri Kelantan dan asal usul nama negeri Kelantan sendiri. Berikut adalah hasil rakaman temuramah penyelidik bersama dengan Pak Siri.

Petunjuk:

MZH : Mahfuzah  
NIK : Nik Irsaal  
P.S : Siri Neng Buah

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PERIBADI TOKOH

MZH : (Bunyi burung dari masa 02:50 sehingga 05:45) Selamat petang Pak Siri.

P.S Ya saya, selamat petang.

MZH : Saya disini dan penyelidik Nik Irsaal dan Mahfuzah Mazlan, ingin menemubual bapak tentang kewujudan asal usul negeri Kelantan. Ok sebelum itu kami akan menemubual tentang latar belakang Pak Siri dulu.

P.S : Ya, latar belakang saya ni saya nak kata apa ya. (ketawa)

MZH : Mula-mula, boleh ceritakan *sikit* [sedikit] tentang nama penuh dan tempat di lahirkan?

P.S : Nama yang diberikan oleh orang tua saya ialah Siri. Ayah saya Nengbuah dalam bahasa Siam, tapi telah di eja sebagai Neng Buah. Jadi, Siri Neng Buah. Saya dilahirkan di sebuah perkampungan Siam yang dikelilingi oleh- kampung Melayu, iaitu di Kampung Pak Kiang, Besut, Terengganu. Ya, dalam negeri Terengganu, dan kampung itu tatkala saya dilahirkan, hanya mengandungi tiga belas [13] buah rumah orang Siam. Jadi, pihak- kami kalau beranak itu akan diberikan nama kemudian kalau lelaki diberikan ‘bin’ terus. Kalau perempuan, ‘binti’ terus. Jadi saya diberikan Siri bin Neng Buah. Itu nama saya yang betul. Ya, nama Siri bin Neng Buah, dan beberapa lama ianya mendatangkan kekeliruan di kalangan penduduk bahkan kalangan anggota polis apabila diperiksa saya makan bulan puasa di kedai-kedai secara terbuka. Saya pernah dinasihatkan supaya makan secara tertutup. Tetapi saya mengatakan, kalau saya makan secara tertutup, itu ertinya saya menghina orang Islam, kerana orang mengatakan saya Islam makan tutup di belakang kedai. Tapi kalau saya makan di luar, di hadapan ramai, orang akan *berpikir-pikir* [berfikir-fikir] itu orang Melayukah orang apakah yang tidak takut di tangkap. Jadi, saya tidak melakukan secara nasihat itu- dan beberapa lama mendatangkan kekeliruan sehingga dibawa ke pejabat pendaftaran. Pejabat pendaftaran mengatakan tidak apa-apa dan tidak lama kemudian, atas satu kes seorang Kristian di tangkap di Sabah kerana bulan puasa dan dia telah- saya difahamkan dia menyaman

kerajaan Malaysia (bunyi kertas) dan kerajaan Malaysia kalah. Jadi, satu cara untuk melepaskan mereka dibuat iaitu siapa yang warganegara Malaysia beragama Islam di kad pengenalannya akan ditulis agamanya. Umpamanya warganegara, Islam, kalau bagi kami yang bukan Islam, warganegara saja (semua menganggukkan kepala). Tidak ada, ya tidak ada agama, tidak ada menulis Kristian ke, Budha ke Hindu ataupun apa-apa. Ertinya senang untuk dilihat, untuk dicam dan untuk dibezaikan apabila wajah tidak dapat membezakan, dan ini- berguna bukan setakat untuk bulan puasa tapi juga berguna untuk tangkapan khalwat dan sebagainya. Ini berguna. *Tu lah* [Itulah] nama yang diberikan oleh orang tua dan nama itu berada pada saya sampai hari ini.

**MZH : Okay [Baiklah], berapa bilangan adik-beradik?**

P.S Ya, saya seorang yang agak berasas baik dari segi adik-beradik. Ayah saya berkahwin dengan ibu saya adalah perkahwinan duda bertemu janda. Sebagaimana yang anda faham, orang Kelantan akan dikahwinkan lebih awal jika dibandingkan dengan orang-orang negeri lain, dan mereka juga sebelum menutup riwayat kehidupan mungkin sudah berkahwin berkali-kali. Kan?- Jadi senarai ini termasuk ayah saya dan ibu saya. Mereka dikahwinkan dalam usia antara sembilan belas [19] tahun dengan awal dua puluh an [20an] ayah saya, dan ibu saya seorang janda, bapa saya seorang duda, dan setelah berkahwin,

saya diperanakkan sebagai anak sulung dan setahun kemudian lahir pula adik saya perempuan. Jadi saya dengan adik saya adalah dua [2] beradik seibu seayah. Kemudian, orang tua ini berpisah dan membawa haluan masing-masing. Ayah saya menjalani kehidupan berkeluarga beberapa kali dengan wanita-wanita pilihannya, dan begitu juga ibu saya, kemudiannya telah berkahwin dengan- saya nak kata lelaki pilihan pun saya *tak* [tidak] tahu tapi lelaki yang dia merasa dia boleh hidup *kot noh* [agaknya]. Jadi, oleh itu, saya mempunyai adik seibu dan adik sebapa, dan jumlah itu semua adalah 13 orang (ketawa), dan saya adalah anak pertama, dan ertinya saya mempunyai dua belas [12] lagi adik-beradik. Jadi, saya rasa apabila hari ini saya berasa saya beruntung kerana mempunyai adik-beradik yang ramai, dan apabila orang tua saya sakit, maksudnya ayah ke atau ibu ke- ramai anak-beranak akan berkumpul jadi riuh-rendahlah suasana, apatah lagi kalau waktu-waktu yang ada berkaitan dengan himpunan-himpunan keluarga. Umpamanya Songkran yang sedang berlangsung sekarang ini. Dimana-mana pun orang Siam menyambut tahun baru Songkran bulan April ini, dan disini kami akan pulang ke kampung, akan membersih *kuburan* [kubur] keluarga, tempat simpan tulang keluarga bahkan kalau tulang yang berada di rumah akan dibawa ke Watt ataupun Candi ataupun Ketik kata orang sini untuk disembahyangkan dan kami akan- mengadakan sembahyang arwah ataupun sembahyang untuk doa kepada si mati, dan tidak lupa juga untuk mensedekah kepada para miskin, fakir dan sebagainya mengikut kepercayaan kami dan ini kami namakan Songkran. Tetapi bagi anak muda, Songkran

dijadikan sebagai pesta air, waktu yang paling sesuai untuk menyembur air antara satu yang lain, dan walaupun mereka basah, tidak ada perasaan marah ataupun dendam kerana mereka sudah tahu mereka pasti dibasahkan. Kalau mereka *tak* [tidak] basah mereka membasahkan orang lain (ketawa). Jadi, itulah adik-beradik saya dua belas [12], adik saya dua belas [12], saya tiga belas [13] orang.

**MZH : Boleh tahu bila pak berkahwin, mendirikan rumah tangga?**

P.S Saya, seorang- pemuda yang boleh tahan kacaknya (ketawa) tetapi bukanlah seorang yang beruntung dari segi alam perkahwinan. Ini kerana saya tidak memandang penting akan- tali hidup sebagai keluarga ataupun ikatan kekeluargaan. Saya lebih bergelandangan dalam hidup, saya lebih kepada pengembaraan kesana sini mengikut naluri dan juga mengikut- saya nak kata emosi tidak- tetapi mengikut hasrat dan cita-cita saya sendiri. Jadi, apabila saya bekerja, saya tumpu kepada kerjaya saya, *career* [kerjaya] saya sebagai Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan. Jadi saya (bunyi kertas) tidak begitu pandang tentang dunia percintaan. Jadi, tidak hairan kalau saya tidak *serious* [bersungguh-sungguh] (bunyi burung) tetapi walaupun saya ada menyimpan hati terhadap beberapa *sosok* [susuk] tertentu. Tetapi apabila di kebas orang, saya buat seperti saya tidak (bunyi burung) ambil kisah padahal saya agak kecewa juga (ketawa) sehingga seorang gadis disini yang dah lama mengenali saya,

saya mengetahui bahawa dia menyimpan perasaan kepada saya kerana saya sudah lama simpan lebih dahulu (ketawa) dan akhirnya saya telah, apa kata tu menamatkan zaman bujang saya pada sewaktu saya berusia tiga puluh- dua [32] tahun. Jadi saya kawin sudah agak lewat, jadi tidak *heran* [hairan] kalau anak bongsu saya masih lagi belajar, masih lagi dalam peringkat diploma di sebuah pusat pengajian di Kuala Lumpur dan saya, kawan-kawan saya sudah mempunyai sepuluh [10] cucu, saya baru dua [2] orang cucu, yang belum lagi pun masuk tadika. Jadi, lewat, bermaknanya lewatlah juga perkara-perkara lain yang berkaitan dengan keluarga.

**MZH : Siapakah nama isteri pak?**

P.S : Di kampung, orang memanggilnya Chiam, di kampung, dan dalam kad pengenalannya bernama *Mek Kechiam anak perempuan Eh Phreng* [Mek Kechiam a/p Eh Preng]. Kalau dalam bahasa Siam, *Chiam anak perempuan Applian* [Chiam a/p Applian]. Tidak ada nama Phreng di dalam bahasa Siam, kecuali pinggan yang jatuh ke atas simen *kok* [ke], bunyi prengg, (ketawa) pinggan apa- apa ni yang besi tu kan ataupun yang diperbuat dari besen boksit bunyi begitu la kan. Jadi, namanya dan dia ni hanya ada dua [2] beradik je [sahaja]. Kakaknya seorang yang telah berkahwin dengan orang Thailand dan menjadi warganegara Thailand. Tinggal dia seorang, anak bongsu, itu sebabnya apabila saya menamatkan perkhidmatan dalam kerajaan, maksudnya bersara

wajib, saya balik *ke sini mari* [ke sini] untuk tinggal di kampung ini kerana orang tuanya tidak ada siapa yang harus melihat kecuali cucu daripada kakak dia dulu je *sorang* [seorang], jadi ini akan menjadi persoalan kepada kami dimana tanggungjawab kami sebagai anak. Itu sebabnya saya pulang ke kampung (bunyi burung) halaman. Walaupun saya sebenarnya ada banyak alternatif untuk tidak pulang. Berbagai pihak mengharapkan saya menetap di sekitar ibu kota, Kuala Lumpur maksudnya, supaya senang di urusi, di dekati, di jumpai dan segala di (ketawa), sebab sampai sekarang ni pun begitulah keadaan saya tetap di hubungi, di jumpai, di minta hadir, di minta terbang, dibayar untuk diterbang dan sebagainya, tidak pernah berhenti. Tapi dari Kota Bharu kesana, jadi yang susahnya saya bukan mereka. Mereka hanya bagi tiket- bagi email, yang terpaksa bangun subuh untuk pergi, saya lah. Contohnya kena ceramah pukul sepuluh [10:00], di Persatuan Sejarah misalnya, penerangan pertama enam setengah [6:30] misalnya, pukul berapa tu saya kena *bercakak* [terpacak] dekat lapangan terbang tu. Ini bukan naik bas ekspres, naik bas ekspres pun kena ada setengah jam sebelum bertolak. Jadi, *mencakung harungkan* [mengkucar-kacirkan] saya di sana. Jadi, inilah situasi yang-- tapi oleh kerana tanggungjawab kami kepada keluarga. Kami rela walaupun bersusah sikit.

**MZH : Maknanya bilangan anak pak dua [2] orang?**

P.S : Saya mempunyai anak tiga [3] orang. Saya pun melihat bahawa anak ramai ada baik, ada untung tapi ada juga tidaknya. Tetapi, kalau anak *sorang* [seorang], merisaukan, dan kalau tidak ada anak langsung, membosankan. Jadi- (bunyi sesuatu) kalau bosan biasa *tak* [tidak] apa, ini bosan dan menyakitkan. Mengapa menyakit, sebenarnya lelaki ni dia ada ego, dia *tak* [tidak] mahu kata *tak* [tidak] dapat anak ni sebab dia, dia akan kata sebab *bini* [isteri] dia. Jadi, helah dia supaya dapat cari yang lain satu [1] lagi, ataupun dua [2] lagi (ketawa). Itu ego lelaki. Tapi setelah dapat yang tua lagi, pangkat janda pula, janda tu pula anak tiga [3], datang dengan dia *sorang* [seorang] pun *tak* [tidak] keluar, baru dia tahu, dia kata, "Agaknya akulah." Sebelum dia nak balik kepada yang awal, hati sudah terluka (ketawa). (bercakap sambil ketawa) Jadi inilah keadaan. Jadi, saya ada tiga [3] orang anak, dua [2] lelaki dan yang bongsunya perempuan. Anak lelaki yang sulung berusia dua puluh (bunyi burung) lapan [28] tahun, bulan Ogos ni dua puluh lapan [28] tahun. Anak yang kedua dua puluh tiga [23] tahun, bekerja di Seremban dan anak ketiga, anak bongsu saya yang berusia dua puluh satu [21] tahun akan menamatkan diploma pada tahun ini, dalam bidang seni tari di Aswara di Universiti P.Ramlee.

**MZH** : Jadi perbezaan umur pak dengan umur isteri pak?

P.S : (bunyi burung) Menjadi kelaziman orang Siam, tidak akan berkahwin dalam usia yang sebaya. Itu kelaziman, biasanya kalau suami tu- (bunyi burung) tiga puluh [30], isteri mungkin dua puluh lima [25], dua puluh empat [24] begitu, dan beza saya dengan isteri saya, isteri saya di lahirkan pada seribu sembilan ratus lima puluh sembilan [1959], saya lahir pada tahun seribu sembilan ratus lima puluh tiga [1953] (bunyi burung). Jadi, ertinya hampir-hampir enam [6] tahun, enam lebih yang membezakan usia kami.

**MZH** : Semuanya *family* [keluarga] pak menetap sekali sekarang?

P.S : Tidak. Anak (bunyi kertas) lelaki kedua bertugas di Nilai, Negeri Sembilan. Yang sulung baru balik dari negara China, kerana saya ada menantu dari negara China, dan malam tadi ke Kuala Lumpur untuk urusan kerjaya, (bunyi burung) untuk mendapatkan kerja di Kuala Lumpur, jadi *tak* [tidak] tahulah nasibnya bagaimana terserahlah kepada rezekinya. Kalau mereka keluar daripada rumah saya, ertinya tinggallah saya semula sebagai pengantin baru (ketawa) tetapi bukan lagi berbulan madu (ketawa), yang layaknya ialah, hang tengok kat aku, aku tengok kat hang (ketawa).

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH**

**MZH** : Jadi, bagaimana pula dengan latar belakang pendidikan pak?

P.S : Saya seorang yang agak beruntung di dalam celah-celah ketidak beruntunglah katakan, saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Kampung Keluang, Besut, Terengganu. Waktu itu zaman transisi di antara sekolah umum dengan sekolah kebangsaan. Sebelum kita berjumpa dengan apa yang di namakan sekolah kebangsaan, kita jumpa dulu dengan sekolah umum. Sekolah Umum Kampung Ketereh, Sekolah [sekolah] Umum (Pak Siri bertanyakan soalan berkaitan kampung kepada Mahfuzah dan Nik Irsaal) Kampung Bukit Mas. Zaman ayah kitalah, ayah anda. Jadi, saya juga berjumpa dengan sekolah ini. Saya belajar di sekolah ini dua [2] tahun, di bangunan yang sama. Kemudian, papan tanda ini dikeluarkan dan dipacak sekolah kebangsaan. Mengapa saya boleh ingat, sebab sebelum masuk sekolah belajar dalam kelas, saya sudah pun pandai membaca dan menulis. Sudah pandai- kerana orang tua saya. Ayah saya seorang yang terpelajar di kampung ini, dan akan memaksa saya dengan kekerasan untuk saya baca buku dan untuk saya mengeja, dan untuk saya belajar, dan ajaran pertamanya alif, ba, ta (Pak Siri membaca huruf-huruf jawi), menjadikan saya boleh membaca jawi dan- apabila saya masuk ke sekolah umum itu, bahasa jawi lah yang dimulakan dan setelah papan tandanya dikeluarkan, dipacak dengan sekolah kebangsaan dalam tulisan rumi yang saya juga boleh membacanya. Jadi saya terpinga dan waktu barulah saya kata- ‘Oh, ini ada satu lagi tulisan, iaitu

rumi'. Jadi, saya ingat rumi ini boleh belajar di rumah jawi di sekolah. Rupanya kedua-duanya sekali waktu itu, dan saya belajar di situ sampai darjah enam [6], dan sering menjadi pelajar contoh dari segi pandai dan bijak. Tapi anda jangan terkejut apabila pelajar sekelas saya semuanya sekitar lima belas [15] orang. Separuh darinya tidak pandai pun membaca ‘A’ sampai ‘Z’. Jadi, tidak hairan saya sentiasa dipandaikan. Ertinya, dimana tidak ada helang, belalanglah layak jadi helang. Jadi (Pak Siri ketawa) begitu jugalah apabila di tempat yang orang semua teruk-teruk (ketawa) yang kita ni menonjol (ketawa). Jadi, bila datang ke sekolah menengah, saya baru faham banyak lagi pelajar-pelajar yang lebih pandai daripada saya (Pak Siri ketawa) dan di sekolah menengah rendah Datuk Bijih Wangsa, Tumpat, kerana orang tua saya terutama datuk saya ni- saya tinggal dengan atuk sebelah bapak, kerana mak saya berpisah dengan ayah ni balik kampung dia di Semerak, Pasir Puteh dan ayah saya berkahwin dengan seorang wanita dan dia telah-- oleh kerana krisis rumah tangga tadi- ekoran daripada cinta tiga segi ke berapa segi saya tak [tidak] tahu (ketawa), dia telah ke Thailand untuk menjadi seorang pemandu teksi. Zaman orang kampung pandai membawa kereta ni tidak wujud kecuali ayah saya sorang [seorang] di kampung pada waktu tu yang pandai membawanya, yang lain tu kereta lembu lah (ketawa) dengan basikal. Itu pun basikal tua yang besar tu. Jadi, saya juga di lihat oleh atuk [datuk] saya harus belajar bahasa Siam. Sebab kampung tu Kampung Desa Pengcil yang ada bahasa Siam- kami pula bahasa campuran antara Melayu dengan Siam. Jadi, kalau kami nak bercakap tentang rahsia antara

satu dengan yang lain baru kami bercakap bahasa Siam. Kalau dalam harian kami guna Bahasa Melayu. Bahasa Melayu dialek Kelantan *makno Kelate la oghe Besut jah la guanonyo, jadi dio pulok beci oghe alik nu nuh, alik-alik Teganu beci bedooh, tokleh gi tu, tapi kalu maghi ore Koto Baru, maghi Pasir Puteh ni narak ambik sapa ko Tok Bali takpo* [maknanya Kelantan orang Besut sahaja, jadi dia pula benci orang sebelah sana, sebelah-sebelah Terengganu benci sangat, tak boleh tu, tapi kalau datang orang Kota Bharu, datang Pasir Puteh ambil sampai Tok Bali pun tidak apa] (ketawa). Jadi, saya telah dihantar oleh atuk [datuk] datang ke Watt Pikulthon, Terbok- belajar bahasa Siam di sekolah rakyat, dan siang hari pergi ke Sekolah Menengah Rendah Datuk Bijih Wangsa Tumpat, dan malam sekolah Siam. Jadi, sebab tu saya kata saya beruntung, saya dapat menguasai bahasa Thai dan juga aliran kebangsaan. Jadi, ini menguntungkan dan saya belajar bahasa Thai secara formal lapan [8] tahun menjadikan saya-- bahkan sekarang ni saya menjadi guru bahasa Thai di sekolah rakyat yang sama tapi bangunan yang berlainan (ketawa)- kerana bangunan telah dibesarkan. Bahasa Inggeris tu memanglah itu apabila saya bertugas- saya memerlukan bahasa Inggeris. Saya menghadiri kelas bahasa Inggeris secara jabatan- dalam jabatan ada kursus bahasa Inggeris, dalam kita berkhidmat. Jadi, ketua jabatan kita akan tengok [melihat] kamu ni setakat mana bahasa Inggeris- *ko stakat i lebiu jah* [ke setakat i love you je] (ketawa). Jadi, suruh kita belajar- saya dapat belajar dan sampai ke peringkat tertinggi dan peringkat tertinggi tu saya sendiri yang minta. Bahkan dalam peperiksaan PTK [Penelitian

Kecekapan], saya cekap sekali berbahasa Inggeris. Jadi, saya beruntung pula di situ, beruntung bila saya hadiri persidangan-persidangan di peringkat dunia, peringkat antarabangsa, bahasa Inggeris adalah sebagai wahana penyampaian. Jadi, tidak dapat tidak anda mahukah atau tidak mahukah terhadap bahasa Inggeris- anda mendepani bahasa Inggeris. Jadi, sekarang ni bahasa Inggeris saya agak kebelakang sedikit kerana saya tidak menggunakan banyak. Kalau dalam perkhidmatan tu terpaksa juga guna.

**MZH : Boleh ceritakan sedikit mengenai perihal latar belakang pendidikan pak?**

P.S (Kerusi ditarik untuk duduk) Latar belakang pendidikan ya- (mendengus) Kelulusan tertinggi saya ialah sarjana muda sains kemasyarakatan *bsocs honours* [kepujian] dalam bidang pengajian politik dan kesusasteraan sains politik di universiti sains Malaysia. Itu secara formal, itu sebagai ijazah akademik tapi sebagai yang bukan akademik tetapi dalam kursus-kursus dalam penjawatan terlalu banyak. Nak bilang [hendak beritahu] satu persatu ni (batuk berdehem) sangat banyak. Contohnya kursus pemahaman tentang arkeologi, kursus pra kaunselling untuk pegawai dan kakitangan, kursus- bina diri, kursus (pak siri sedang mengingat) kursus Bahasa inggeris, kursus warisan, kursus yang sampai-- ya anda harus faham sehingga tiga puluh tiga [33] tahun lebih saya bertugaskan tentulah saya mempunyai kursus-kursus yang sangat banyak ya, ini dia jadi tulah keadaannya ya.

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: KEWUJUDAN ASAL USUL NAMA NEGERI KELANTAN

MZH : *Okay [Baiklah], sekarang dah habis tentang latar belakang pendidikan pak, kami ingin bertanyakan tentang kewujudan asal usul nama negeri Kelantan pula*

P.S : Ya (menganggukkan kepala) Jadi ini adalah cerita rakyat- ertinya apabila cerita rakyat ianya tak [tidak] semestinya betul. Tetapi bahkan kajian sejarah pun tidak semestinya betul. Yang betul ialah yang maha betul sahaja yang maha kuasa sahaja. Tetapi kita berdasarkan kepada sejarah, tarikh peristiwa kita dapat membuat kajian bila dimana berlaku sesuatu peristiwa sejarah (burung berkicau) dan peristiwa-peristiwa ini jugak adalah mengikut kajian-kajian samaada tertulis tidak tertulis atau cerita lisan dan tidak cerita lisan. Jadi kita bercakap ini ialah cerita rakyat ertinya cerita yang kita dengar secara lisan. Yang akhirnya dalam cerita lisan tidak begitu dipentingkan. Kita bukan membuat kajian akademik negeri Kelantan, ya pak bukan ahli akademik, kalau anda *nak* [hendak] dapatkan cerita secara akademik bukan daripada pak sebab pak bukan ahli akademik ya. Cuma sekali sekala bila bercakap tentang sejarah ini, *tak* [tidak] bolehla kita keluar daripada fakta yang berbentuk akademik kan tetapi kalau cerita rakyat daripada apa yang diceritakan oleh orang tua- oleh rakyatla. Itulah cerita rakyat,

anda harus faham dahulu konsep. Jadi cerita rakyat ini terbahagi kepada beberapa perkara umpamanya mitos. Ya, anda pernah dengarkah perkataan mitos? ini adalah kepercayaan sejarah. Mitos adalah kepercayaan yang kudus- yang orang percaya walaupun pada hari ini tidak mungkin. Contohnya, contoh seorang yang disumpah sang gedelembai [kelembai] maka menjadi batu, boleh ke? Siapa boleh jadi batu kerana kena sumpah? (senyum sinis). Si tenggang yang menderhaka kepada ibu disumpah menjadi batu, adakah dengan kerana menderhaka kepada ibu dan disumpah begitu bertukar menjadi batu? Tidak- tapi kalau nak katakan inilah hati batu, mungkin. Disatirakan tapi untuk menakutkan untuk menjadi contoh, maka dikatakan tenggang dan kapalnya menjadi batu- ibu dan ayahnya menjadi si ibu yang begitu merajuk (burung berkicau) dimakan oleh batu belah batu bertangkup, boleh ke batu makan orang?- (burung berkicau) tapi orang percaya ini ialah mitos. Jadi itulah keadaannya mitos, kemudian dia cerita jugak dalam bentuk-bentuk cerita yang sukar *nak* [hendak] dibuktikan (pak siri selsema) oleh akademik apatah lagi bukti saintifik, sukar (menggelengkan kepala) contohnya cerita rakyat tentang alam kayangan- dikatakan bahawa Cik Siti Wan Kembang yang pertama contohnya Cik Siti Wan Kembang pertama tidak dinamakan Cik Siti Wan Kembang- namanya ialah Dewi Urja dan ianya apani [apa ini] (sedang mengingat sesuatu) ianya tinggal di Gunung Chinta Wangsa- misalnya kan dan dia adalah yang pertama yang pertama misalnya kan. Tapi dia nak sampai yang kedua yang jaraknya dua ratus tahun [200] dia berada di alam kayangan, alam ghaib dunia alam kayangan

mengikut cerita rakyat. Kemudian dia menjelma kembali sebagai Cik Siti Wan Kembang. Ya itu dia ini adalah suatu apa ni (teringat sesuatu)- kepercayaan mitos dalam cerita rakyat samaada kita percaya atau tidak itu hal lain. Begitu juga dalam cerita rakyat, misalnya cerita rakyat ada yang mati (batuk) hidup kembali dipulihkan kembali hidup. Jadi dalam konsep cerita rakyat perkara itu boleh wujud. Dalam konsep cerita sebenar, macam mana orang mati boleh hidup semula? Ini dua hal yang berlainan. Jadi begitu juga kita kisahkan tentang negeri Kelantan. Negeri Kelantan mula-mula sekali dikatakan wujud. Sebenarnya negeri itu, telah wujud mengikut sarjana (sambil berfikir)- mengikut orang-orang sejarah dia kata negeri Kelantan ini dah negeri tua, negeri yang dah wujud berpuluhan ribu tahun dahulu. Tapi kalau tanya bumi Kelantan ini wujud bila hanya tuhan saja yang tahu (berseloroh) jutaan tahun dahulu kan. Jadi dalam zaman berpendudukannya secara bertempat sudah sepuluh ribu tahun [10,000] dikatakan begitu, zaman batu lama lagi. Adanya orang-orang ini makan yang mentah kan, tinggal di gua-gua, pakaian yang selimut tubuh lebih kepada kulit-kulit kayu dan sebagainya dan apani [apa ini] (sedang mengingat sesuatu) kulit-kulit binatang- batu sebagai senjata *ya dak* [*ya kan*]. Ya jadi negeri Kelantan ini waktu itu *tak* [tidak] ada nama, zaman maseolitik, neolitik tidak ada nama tetapi zaman kemudian barulah ada nama- apabila orang sudah berkumpul masyarakat sudah dapat hidup lebih bertamadun dan mencipta sejarah. Kalau dulu juga dipanggil juga zaman pra-sejarah- kita pernah Dengarkan zaman pra-sejarah. Jadi sekarang ini apabila mereka berkumpul, mereka ada ketua ada raja, ada

undang-undang samaada undang-undang itu bertulis atau tidak dan undang-undang itu kekal untuk beberapa lama. Bukan kata hari ini kalau bersalah bunuh-lusa tidak- *nu pulak salah gini buat gini* [esok pula salah begini buat begini]. Manakala yang salah bunuh itu berpuluhan-puluhan ratus tahun barangkali baru diubah kemudian misalnya. Jadi ini sudah ada sistem pemerintahan sistem sejarahnya. Jadi ini zaman sejarah, zaman sejarah ini barulah kita mengenali kawasan tanah Kelantan ini sebagai empayar nyanyian sang bunga sampugita. Kita mengenalinya sebagai Empayar chermin. Kita mengenalinya sebagai medang kemulai. Kita mula mengenalinya sebagai langka. Bukan langkapuri ya (berseloroh). Kita mula mengenalinya sebagai (berfikir sesuatu) kemudiannya sri wijaya. Jadi apabila sebagai sri wijaya barulah wujudnya nama-nama seperti Ko lan tan mengikut catatan china kurun yang ke-enam [6] yang ke-tujuh [7] kurun enam ratus enam puluh [660] dikatakan sri wijaya wujud pada tahun enam ratus enam puluh [660] tahun masihi. Yang ni kurun yang ke-tujuh [7] lah dalam perkiraan kurun. Jadi sinilah waktu adanya nama seperti Tang-tang, Ching tu, Ramratipka, Pa pan oleh catatan-catatan china. Raja Ko lan tan, raja Fushi, seperti maharaja Kumar menghantar satu utusan ke negeri china tahun enam ratus [600] ke atas seperti enam ratus enam puluh lima [665] tahun masihi begitulah ke negeri china dinasti tsao zhu. Jadi disinilah kita dapati bahawa negeri Kelantan ini lamalah- waktu itu tidak nampak sangat nama kelantannya (enjin motor) tapi Sri wijaya. Jadi sri wijaya tu, ibu kotanya di mana kita tidak tahu, tetapi banyak ahli sejarah kata sri wijaya ini bermulanya di Kelantan.

Tetapi Kelantan sehingga ke gerai iaitu kawasan surat tani hari ini di selatan Thailand- tapi kita jangan terpesong ya- jangan mengatakan ini Thailand, itu Kelantan. Negara itu tidak wujud pada waktu itu. Tidak wujud Malaysia Thailand. Benda ini benda baru dalam sejarah tidak ada benda-benda begitu. (Pak siri berdialog) seperti orang tanya kepada pak “Ni pattani ka Kelantan?” Dalam konteks mokyong [Mak Yong] jangan cakap pattani ka Kelantan, kalau anda bercakap begitu ertinya anda bercakapkan tentang benda lama tapi frame itu frame baru tak [tidak] sesuailah ya tak [tidak] sesuai. Jadi dalam konteks ini, negeri itu negeri sri wijaya dan apabila ia bertembung dengan kuasa suku thai dan dikalahkan oleh siam dia mengundur ke sumatera dan mewujudkan ibu kota Palembang yang baru iaitu di sri wijaya baru iaitu muara takos, dan di muara takos yang agak ke dalam dan senang dimasuki musuh mereka mewujudkannya di muara takos di sungai Palembang yang agak ahli sahaja yang tahu belok ke mana nak [hendak] ke Palembang dalam sungai itu. Kalau tidak mereka akan menyarar ke lain dan ini kalau anda tengok peta dari udara muara Palembang memang betul-betul seperti pagar sesat dan pak sudah sampai ke tempat ini. Itu sebab kerjaya pak ini, pak suka pergi menjelaki warisan jajahan takluk Melaka, empayar Melaka. Semua pak pergi, pak memang begitu kecuali karima- yang tidak tahulah sebelum menutup mata terakhir nak pergi jugak walaupun sekali pulau karima, berkali-kali nak pergi (berseloroh) ada waktu tidak ada wang, ada wang tidak ada waktu tetapi seringnya kedua-duanya tidak ada (ketawa) ok jadi apabila gitu [begitu] negeri ini bersilih ganti nama- nama purba bukan nama

baru nanti anda kata “nama jembal tu pak?” itu nama baru. Nama kuala krai itupun nama baru, ya dah baru- jadi silih berganti sehingga dilihat oleh zaman kerajaan sampugita. Kerajaan sampugita ini setengah orang kata empayar nyanyian sang bunga. Sampugita ini gita bunyi gitar, bunyi nyanyian gitar. (kapal terbang di udara) Sampu ini maknanya bunga jadi dikatakan raja sampugita mungkin aditirwarman tapi pak lebih percaya aditirwarman ini adalah raja sri wijaya. Jadi dia ini, telah melihat satu cahaya keluar dari bukit panau, cahaya yang sangat terang benderang dan menaik terus di bukit panau. Sebenarnya bukit panau itu, bukit pinar. Apa makna pinar? Pinar maksudnya kita tidak boleh tengok cahaya itu pinar mata. Bukit pinar *ehh bo cahaya ni pinar mata* [ehh jangan cahaya ni silau mata]. Jadi lama-lama pinar *lagumana* [bagaimana]? Pana [panau] tau laa (sambil tersenyum)- lama-lama panau bukit panau. Ya silau. Jadi raja sampugita ini telah menamakan tempat itu sebagai kawasan kilatan saji, tudung saji itulah kilatan saji. Jadi orang melihatnya sebagai kilatan saji, dari jauh boleh nampak cahaya itu. Jadi itu lama kelamaan daripada kilatan saji itu menjadi Kelantan. Itu satu cerita rakyat dan tercatat dalam banyak buku tradisi Kelantan tentang kilatan saji. Inilah nama yang dikatakan berasal dari cahaya yang klat seperti saji yang wujud di bukit pinar silau tapi orang lama kelamaan menjadi bukit panau. Panau kan penyakit-penyakit kulit (berseloroh) apa yang sakit disitunya. Bukit itu tidak pernah digondolkan oleh sesiapa pon untuk rawatan panau (ketawa). Jadi inilah keadaan, macam daerah pasir putih. Sekarang ni orang dah tak mula dah sebut

pasir putih, jadi pasu putih dah. Nak gi mana pasu putih? Pasu pulak dengan pasir lain dok jadi dia pasir putih. Orang dah tak panggil dah pasir putih sekarang, sekarang pasu putih. Tengok awak nak gi mana? Nak gi sungai pura, dia mulai kita sebut saja ‘Singapura’, sungai puro. Mana ada sungai pura (sambil senyum sinis) tudia jadi ingat ya tengok. Jadi benda ni boleh-diterbalikkan jadi berlainankan (sambil berfikir) ada tak lagu (Pak siri bernyanyi) “sejak demo gi ke sungai pura”- ada kan lagu tu (ketawa perlahan)- kata bila pulak sedap kemain lagu tapi *blawok* [menipu]. Jadi faham ya, jadi disitulah kelihatan saji mengikut versi yang pertama oleh raja sampugita. Tetapi ada beberapa versi lagi yang dikatakan wujudnya negeri Kelantan. (burung berkicauan) Ada setengah orang pengkaji sejarah sepintas lalu berkata adanya pokok gelam hutan di tepi sungai. Versi kedua gelam hutam, penuh dengan sejenis pokok gelam hutan di tepi sungai tu banyak, jadi tempat pengkalan mereka- pengkalan untuk apa-apa gelam hutan, lama-lama jadi gelamtan. Patut begitu tapi ada satu versi lagi dia kata kilat kilatan- yang ni sama dengan bukit panau tadi negeri kilat-kilatan. Nampak kilau nampak kilat-kilatan. Ini tiga versi tentang kewujudan negeri Kelantan.

**MZH** : Maknanya ada tiga versi sahaja?

P.S : Tiga versi yang pak tahu, yang kemudian dinamakan Kelantan ialah kerana wujudnya satu perkataan negeri majapahit ertinya pahit ni raasanya kelat kan. Jadi dikaitkan dengan limau kelat tan hari ini di Kelantan dipanggil limau *kelat lete* [limau kelat tan] sejenis limau dan antara limau yang tak sedap dimakan sejenis limau kelat lete dipanggil, limau itu agak besar (menunjukkan saiz sebesar tangan). (Pak siri menanyakan soalan) Pernah tengok limau kerat lintang? Ya- bukan kita kerat limau dia melintang, (ketawa) nama limau tu limau *kelat lete* [limau kelat tan] ya, anda boleh anda dari bukan Kelantan takpa [tidak mengapa] anda tanya orang tua ya limau *kelat lete* [limau kelat tan] ya limau *kerat lete* [limau kelat tan] bukan limau nipis yang dikerat melintang tu kita yang kata (ketawa) nama limau tu jadi di pokok limau itu juga dikatakan limau *kelat lete* [limau kelat tan]. Jadi lama dapat nama jadi limau *kelat lete* [limau kelat tan]. Itu versi baru- versi baru yang dibuat oleh seorang di persatuan sejarah baru-baru ni dia sebut begitu, ikut dialah yang pentingnya yang menjadi bahan tulisan tradisi kilatan saji zaman sampugita kurun ke dua belas [12] masihi, ok jadi itulah nama kemudiannya menjadilah nama Kelantan dan catatan china mengatakan dia adalah Ho lan tan, tapi sebelum itu ada kawasan-kawasan sebab dia negeri luas kan walaupun sepuluh batu persegi pon negeri ohh ramai dah tu penduduk tu dulu nak pergi berburu tu nak sampai ke sepuluh [10] tiga puluh [30] meter pun satu hal besar kan dulu, sekarang ni naik dari machang sampai sini tak sampai dua [2] jam saja kan misalnya pergi balik.

Jadi dulu jangan kira bulu- kita kira frame dulu ikut dulu jangan ya-- jangan ok.

Jadi itulah permulaan wujudnya negeri Kelantan ok.

**MZH : Jadi pembahagian daerah atau jajahan di negeri Kelantan sekarang adakah terlibat dengan sejarah dahulu?**

P.S : Yang ada sekarang? Ya dia begini negeri ini mula-mula negeri ini dia diketuai oleh satu-satu kumpulan satu-satu sahaja. Contohnya kawasan jembal, kawasan yang kita namakan kedai lalat. Ya kedai lalat tapi jangan ingat ya pak kena cakap juga perkataan kedai lalat bukan bermaknanya kawasan tu paling kotor maka lalat suka hinggap ya kedai lalat- hari ini semakin dilupakan apabila digantikan dengan nama kota jembal ya semakin dilupakan. Baguslah seperti juga orang melupai PCB [Pantai cinta berahi] sebagai pantai cinta berahi, orang ingat sekarang ini pantai cahaya bulan PCB [pantai cahaya bulan] juga kan. Jadi tak taulah kerana orang pas memerintah ini dia rasa perkataan cinta berahi ni nampak macam berunsur *unmoral* [kurang moral] sedikit misalnya kan sedangkan cahaya bulan tu termasuklah bulan tu lambang partinya. Jadi *egok* [agak] bagusla tu misalnya- barangkalilah tetapi kalau cahaya bulan tu semua orang nak tengok belum tengok lagi orang kata “aku tak mahu tengok laa cahaya bulan, bodoh” *tak dak lagi* [tidak ada lagi]. Jadi apapun kita serah pada mereka la pak tidak mahu berada dalam politik ini. Jadi ditukar nama ini kan- jadi tentang jajahan tadi raja-raja ni memerintah kawasan kedai lalat misalnya kan, kedai lalat ini maksudnya pagi ramai yang pergi tengah hari balik semua

lengang tiada orang, kalau nak datang cari petai jeruk pergi pagi-pagi kalau nak cari apa ini buah kayu *are* [arang] hendak *mari nyicah* [mari makan]. cuka dengan gula pergi pagi-pagi lagi sebab apa- pukul sembilan dah habis licin dah tinggallah buah arang yang buruk-buruk. Tahu buah arang? Biar lah kalau tidak tahu pon (ketawa) buah terajang? Tidak apalah (ketawa) limau kelat lete tidak tahu semua tidak tahu tidak mengapalah. Jadi pergi pagi itu bila tengah hari semua balik jadi habis lengang jadi pasar seumpamanya kita panggil kedai lalat satu simpulan nama. Ada orang baru ini, tidak baru sangat dia kata “kotor negeri Kelantan ni cukup kotor” marahnya *demo* [penduduk negeri kelantan] terhadap dia (ketawa). Barulah dia menelefon pak bertanyakan “betulkah kotor di negeri Kelantan”? Pak menjawab di mana-mana pon kotor. Kalau dia letak ja kalau jatuh ada bekas lalat, adanya tempatnya lalat tidak *beghok* [berak] sebab apa, sebab tiada lalat. Ok jadi bila negeri itu dijaga satu-satu dan akan ada orang yang paling berkuasa dia nak takluk- dia nak kuasai, dia nak luaskan pengaruh dia. Bila dia rasa dia gagah dia takluk jiran dulu, dia takluk orang ini orang itu barulah dia dapat wujudkan empayar besar, betul tidak? Seperti Melaka, Melaka mula dia nak membuka satu empayar setelah dia merasa ancaman siam tu habis, dia menakluki empayar karimun sebagai negeri taklukan pertama dia. Itu yang pak kata nak pergi ke karimun tu- ibu kotanya tanjung balai dan disitu dulu waktu pak bujang dulu pak ada berkenalan dengan (ketawa)- seseorang di pulau bentan dan kami sama-sama menaiki bot ke daik untuk dan- dia telah menunjukkan kepada pak inilah gunung daik bercabang tiga itulah pulau pandan

jauh ke tengah dan dia anak daripada tanjung balai, karimun, tidak cantik tetapi budi bahasanya cukup memukau dan bagi pak, cantik tidak boleh dimakan (ketawa) *kecek ore klate gak kato comey guano pon bukey buleh gagoh* [bercakap mengenai dialek kelantan mengatakan cantik bagaimanapon bukannya boleh dimakan]. Jadi sebenarnya *tak dak comey* [tiada comel]. Comel ialah budi itu untuk hendak membezakan kita dengan orang lain cuba kalau semua sama susah kan? Jadi negara-negara ini telah ada empayar jadi dalam satu kerajaan besar Kelantan kemudiannya menjadi satu kerajaan besar kemudian pernah berkumpul dengan pattani pernah berkumpul dengan Melaka pernah begitu pernah begini kan, pernah berada di bawah siam dan pernah juga ada Kelantan merdeka. Jadi apabila dia nak jaga kawasan-kawasan penduduk, (bunyi mesej telefon pak siri) kawasan-kawasan anak sungai maka dia akan serahkan kepada raja-raja kerabatnya jaga dan kaum kerabat yang dipercayai. (Pelajar latihan menora batuk) Contohnya ok Kelantan sampai ke Narathiwat itu kawasan itu long zainal jaga misalnya raja bunda, kawasan kampung laut long ismail jaga, kawasan (sedang mengingat nama tempat)- hulu Kelantan long hitam jaga longtan. Kawasan jagaan *kawasan pemakane* [kawasan pemakanan] dia panggil sebab raja dulu tiada gaji jadi hasil yang rakyat datang tu bagi kepada dia, dan dia akan bahagikan hasil itu kepada raja besar satu raja Kelantan dah lah dan dia sebahagian. Jadi waktu tu dia tidak panggil jajahan dia panggil nama negeri-negeri kecil. Itu negeri Kelate, *hok mano so negri kelate tu* [yang mana satu negeri kelantan] di jere, di pusu putih- di Taba. Kemudian untuk tidak

(sambil berfikir) mendatangkan kekeliruan *dinamokan jajahan takluk* [dinamakan jajahan takluk]. Dalam undang tubuh dalam kerajaan negeri Kelantan hari ini dipanggil contohnya sultan ke bawah duli yang maha mulia sultan Muhammad yang ke lima [5], sultan Kelantan- darul naim dan seluruh jajahan takluknya. Sultan dan yang dipertuan negeri Kelantan dan seluruh jajahan takluknya jadi jajahan takluk ni dalam konsep modennya ialah jajahan tumpat, jajahan kota bharu, jajahan bachok, jajahan tanah merah, jajahan pasir mas, jajahan kuala krai, jajahan gua musang ataupun ulu Kelantan. (burung berkicauan) Kemudian ulu Kelantan ini telah pecah kepada sub jajahan yang terbaru hari ini iaitu satunya jajahan kecil baru lojing dan satu lagi jajahan kecil dabong baru diwujudkan dalam konsep moden hari ini kerana untuk memberikan kemudahan kepada rakyat. Bila ada sub jajahan lojing ada pejabat kad pengenalan, ada pejabat *telifon* [telefon], ada pejabat Tnb [Tenaga Nasional Berhad] *gitu gini* [begitu begini] *rakyat mudoh kalau tidak dok kola baloh nu nak mari bayar hasil tanah tu, hasil tanah tempak belah yal* [14] misale naik *kreto mari kreto gi tu naik kreto sapu tidur pulak semalame dok wah wokah ya make nasi lemak tigo kali ya tiga puluh yal gi balik, gi bayar hasil tanah empak yal misale.* [rakyat mudah, kalau tidak yang tinggal di kuala balah susah untuk datang membayar hasil tanah itu, hasil tanah hanya empat belas [14] ringgit misalnya, naik kereta ulang alik, makan nasi lemak tiga kali dan keseluruhan tiga puluh[30] ringgit untuk bayar hasil tanah sahaja] Jadi dimanakah kemudahan kepada rakyat. (Para pelajar pak siri sedang berbual sementara

menunggu untuk membuat latihan Menora) *Jame tok janggut dulu bila wujudnya kerajaean pasir putih sakni, rakyat terpaksa berjalan kaki nu daripada kawase jere nu kawasan reng kawasan apa nu kawasan hujung-hujung semerok nu bukit yong nak mari bayar hasil ke pasir putih ni brapo kali singgah?* [Zaman tok janggut dahulu apabila wujudnya kerajaan pasir putih tadi, rakyat terpaksa berjalan kaki dari sana daripada kawasan jerai, kawasan reng, kawasan hujung-hujung semerak sana bukit yang hendak mari bayar hasil ke pasir putih ini berapa kali singgah?] Mari-mari tengok tutup pulak dah pejabat sebab hari jumaat tutup dia tak tahu hari jumaat tutup. Jadi susahlaa macam *toksey bayor ambo kalau beli misale ya dok tapi laa ni kalau gi ambil Br1m gi weh biar susah gi pon* [tidak mahu bayar saya kalau misalannya ya kan tapi sekarang jika pergi ambil Br1m akan pergi walaupun biar susah tetap pergi pon] (ketawa). Ok jadi itu dia pembahagian, pembahagian dulu nak dipanggil kawasan pemakanan negeri kecil dipanggil negeri kuala anak sungai (selsema) daerah pun panggil juga kemudiannya- tapi jajahan takluk *klate* [kelantan] laa, itu kalau anda tengok sultan *gini gini* [begini begini] negeri Kelantan dan seluruh jajahan takluknya *jange* [jangan] cari mana pula takluknya. Ok (berseloroh dan ketawa)

MZH : Ok selepas itu, kami nak tanya tentang kewujudan Puteri Saadong,  
betulkah ada cerita Puteri Saadong dan kebenarannya?

P.S : (mendengus sambil menganggukan kepala) Anak Puteri Saadong ni ada betul  
lebih daripada seratus peratus [100%] pak percaya wujud tetapi Puteri Saadong  
ni adalah bukan nama batang tubuh seseorang, dia adalah nama merujuk kepada  
permaisuri gelaran permaisuri. Permaisuri raja besar seperti kita kata permaisuri,  
itu gelaran batang tubuh ka? Tidak, itu gelaran kedudukan darjat seseorang tapi  
orang perempuan *takdok* [tidak ada] lagi permaisuri tu *ore jate* [orang lelaki]  
kecuali *permaisude ponde* [permaisuri pondan] (ketawa) ya betul tidak? Jadi  
permaisuri ialah maknanya satu orang perempuan berpangkat isteri pertama  
ataupun isteri tua isteri yang sah raja yang dibawa keluar untuk diketengahkan  
raja, sultan, permaisuri. Dia tak bawa kata harini bawa permaisuri ni esok nak *gi*  
[pergi] majlis ni bawa permaisuri ni lama-lama empat permaisuri *dio dok*  
*sebaris blako* [dia duduk sebaris semua] (ketawa) kita *hok tengok* [yang melihat]  
hebat (bertanyakan soalan) *ada dok?* [Ada ke tidak?] Takda, walaupun dia ada  
*empat ka kea tidak ada* [empat ataupun tidak ada]. Jadi oleh itu Puteri Saadong  
adalah nama gelaran. Batang tubuh nama lain jadi batang tubuh dia namanya  
Mariam, Tunku Mariam, Long Mariam. Long tu beertinya raja la nak. Long itu  
bukannya lelaki itu (ketawa). Long itu tuan, Tuan Halimah (memberikan  
contoh) -- nama siapa? Tuan Gayah binti Duan Mat, “*Eh tuan gayah jate ko*  
*demo?*” [eh Tuan Gayah lelakikah anda?] *Tak ada* [tidak ada]. (bertanyakan  
soalan) *Tuan puteri jate ko tino?* [Tuan puteri lelaki ke perempuan?] Ampun

akan patik duhai tuan puteri, *tino lah takdak tuan puteri jate* [perempuan lah, tidak ada tuan puteri lelaki] (ketawa) *kito keno pehe hok tu* [kita kena faham yang itu], itu bahasa jiwa dan raga *ore klate* [orang Kelantan], Tuan Gayah *tino* [perempuan] Tuan Mat ayah Tuan Gayah takkanlah *tino* [perempuan] juga. Jadi dalam kerja anda kena faham. Long Gaffar lelaki kalau Long Timah? (ketawa). Jadi kena *pehe* [faham].

**Nik : Sama macam Long Ghaffar?**

P.S : Ha Long Ghaffar, lelaki. Tapi kalau Long *Timoh* [Fatimah] (ketawa). Erti kena faham. Ataupun Long Nurul, lagi berat. Long tu ertinya raja. Raja Halimah, ada kan? Raja Fatimah, Raja Habsah, Raja Nurkiah, *bakpo tak dok* [kenapa tidak ada]. Jadi, dia namanya Long Mariam ataupun Tengku Mariam, untuk tidak kita takut keliru. Anak Raja Luya, Kota Jembal, *doh bakpo tok wujud* [habis tu kenapa tidak wujud]. Ingat ya, Saadong ni tidak semestinya Saadong nama dia tu Mariam, mesti Saadong, tidak. Yang sekarang ni, baru-baru ni, timbul seorang yang mengaku dia Saadong yang ke tujuh [7]. Ada di Kelantan baru ni. Keluar wajah dia penuh, *gitu gini* [macam tu macam ni] dia adakan perjumpaan di Pantai PCB [Pantai Cahaya Bulan], mengatakan dia Puteri Saadong ketujuh, bergelar dia tu ialah Tengku Anis binti Tengku Razali. Setelah pak kaji apa yang dia kata, dia bernama Puteri Hijau keturunan dia di Aceh, pak pun pergi ke pangkal Aceh. Pak pergi ke Jawa, cuma Kalimantan je pak *tak* [tidak] *gi* [pergi] (bunyi batuk) tapi *duk* [dalam] kaji-kaji tu, *duk* [dalam] ambil-ambil

cerita dia *duk oyak* [cakap], maka pak percayalah kata dia yang Puteri Saadong ketujuh, dan pak mengeluarkan kenyataan di akhbar, Puteri Saadong ketujuh *dia* [Tengku Mariam] (bunyi burung), dan ramailah orang kata ya, sokong pak. Di samping ramailah orang kutuk pak (ketawa). Tapi, kita sebagai ahli sejarah, dikutuk perkara biasa. Jadi pak ni, *kalu* [kalau] di puji pun *tok lopong idung* [tidak perasan] (ketawa), *kalu di keji pun tok kecut perut* [kalau di keji pun tidak takut]. *Kalu di akat lagu mano pun, tok kembe doh buasir* [kalau di angkat macam mana sekalipun, tidak kembang buasir] (ketawa). Jadi, anda boleh fahamlah bahawa pak ni sudah berada dalam tapak yang sudah mantap. Jadi pak *tok bedegih* [tidak berganjak]. Tidak kata, *oghe kato gini eh yo tok yo, yo tok yo* [orang cakap begini, betuk ke tidak], *yo, yo ah* [betul, betullah]. Jadi, Puteri Saadong pertama wujud, dan kewujudan ini sudah ada dah Saadong-saadong sebelum Puteri Saadong Jembal. Banyak Saadong zaman Sampugitar, zaman Seriwijaya, zaman Manjapahit dan sebagainya.

MZH : Zaman Serivijaya sama tak [tidak] (bunyi motor) dengan Puteri Wijayamala?

P.S : Wijayamala tu ialah zaman Cik Siti Wan Kembang, zaman- penghujung Seriwijaya. Jadi begitulah. Jadi, Saadong yang kita maksudkan pertama ni ialah Saadong pertama Jembal. Ok, Sultan Alaudin Riwayat Syah I, Sultan Muhammad I, raja Kelantan. Tapi, Sultan Muhammad yang pertama juga tidak semestinya raja Kelantan. Sultan Muhammad Husin Hanasiah di Palembang

ada, Muhammad juga. Sultan Abdul Jalil Johor I, II, III, Jalil juga. Jadi, kena faham *gitu* [macam tu]. Jadi, Sultan Alaudin Riwayat Syah- Acheh lain, sultan I, II, III, IV di Johor lama lain. Apabila Alaudin ini telah- bergelar Raja Husin, mengikut tokyong dia, datang ke hujung Madini membuka negeri baru bernama Johoriau untuk menegakkan dan meneruskan empayar Melaka yang runtuh tahun seribu lima ratus dua puluh lapan [1528] (bunyi telefon). Ini kita kena faham. Jadi, (bunyi telefon) Puteri Saadong ini Saadong Jembal (Pak Siri bercakap melalui telefon dalam bahasa Siam dari minit ke 44:28 sehingga minit ke 44:50 dan penyelidik berbincang sesama sendiri).

**MZH** : Jadi, dah habis cerita kewujudan Puteri Saadong (P.S bercakap dengan pelajar menoranya dalam bahasa Siam dan P.S memberitahu bahawa pelajarnya akan mengadakan latihan menora, P.S bertanya sama ada masih banyakkah lagi soalan yang belum selesai). Tanah Rendah Sekebun Bunga, mengapakah nama tempat itu digelar sebegitu? Adakah nama tempat ataupun nama yang dah memang sedia wujud?

**P.S** : Serendah Sekebun Bunga ini ialah tanah lembah (bunyi telefon), tanah mendatar dan ianya kawasan- Ketereh. Kawasan tu dan adakah pak sebut daerah itu betul ataupun tidak pak minta maaf, tapi kawasan tu lah. Tapi dia rendah cantik, jadi ditanamnya dengan laman-laman yang indah dinamakan Serendah Sekebun Bunga. Memang kawasan tu tidak wujud, tapi diwujudkan, ada sungai ada apa, itu tempat permainanlah sebagai mana juga Tasik Lelayang Mandi. Tetapi ibu

negeri Kelantan sebenar waktu tu ialah di Kuala Krai, zaman Cik Siti Wan Kembang dan dia pula seorang ahli bertapa dan dia berada di bukit Gunung Cinta Wangsa. Tetapi kampung-kampung bawahnya yang jaganya ialah Kampung Cerang Tegayung. Jadi, (bunyi burung) kampung itu di hulu Kelantan masih ada lagi di Kuala Krai sana sampai hari ini kampung-kampung tu. Tapi tanah-tanah tu jadi tanah orang lah, kubur-kubur lama masih ada. Jadi, untuk gabungkan dua kawasan itu sebagai tanahnya, maka di namakan Cerang Tegayung Serendaah Sekebun Bunga. Cerang Tegayung sama dengan Kota Tegayung. Kota tu tempat kediaman di bawah gunung oleh Cik Siti, tapi di atas gunung tu dia sendiri ahli bertapa.

**MZH : Di mana letaknya Kota Tegayung?**

P.S : Di kawasan Kuala Krai.

**MZH : Kota Jelasing?**

P.S : Kota Jelasing di Kota Bharu dekat Wakaf Zing, sekarang dipanggil Kampung Kota, tepi sungai.

**MZH : Kota Mahligai?**

P.S : Kota Mahligai dekat Melor. Melor gunung.

**MZH** : Jadi, keunikian nama-nama tempat di negeri Kelantan wujud kerana zaman-zaman dahulu ataupun memang dinamakan sebegitu?

P.S : Tidak, diwujudkan kerana ada buat mahligai, ada istana maka dia panggil Kota Mahligai. Kalau ada benteng tu di tepi sungai ada tumbuhnya pokok labu, ada lubang panjang maka timbul Kota Kubang Labu. Dari kota lama ni dah dimakan oleh air dan tidak begitu sesuai, pergi buat yang baru nama Kota Bharu. Kota lama ni pokok *mensete* [manggis] ni tepi (bunyi telefon) sungai yang satu lagi tu dimakan air, buat- kota lain dan kota tu dinamakan Kota Lama *kat* [dekat] Kubang Pasu tu. Bila dibuat yang satu lagi tu tahun seribu lapan ratus empat puluh lapan [1848], Kota Bharu. Jadi kita sekarang ni dengan lama dengan baru kita kait dengan Kota Bharu *blako* [semua], Lembah Sirih ke lembah apa ke Kota Bharu.

**MZH** : Nama tempat seperti Bunohan?

P.S : Bunohan itu ialah sejenis perangkap ikan. Perangkap ikan yang ada di parit tu termasuk dekat balai polis Bunohan tu, digunakan untuk tangkap ikan di parit itulah, yang besar tu. Bunohan ialah sejenis jerangkap ikan, bukan berbunuh-bunuhan, bertikam-tikaman.

**MZH : Lundang?**

P.S : Lundang ialah sejenis pokok (bunyi getaran telefon), bukan sundang, itu sundang senjata.

**MZH : Bagaimana dialek negeri Kelantan wujud, dipengaruhi Siam?**

P.S : Dipengaruhi oleh tiga [3]. Satu [1] Patani, dua [2] Siam, dan tiga [3] *original* [asal] orang-orang Kelantan. Tetapi ianya bukan daripada Johoriau. Johoriau seperti Kelantan (bunyi kertas), kelantang, jalang, makang.

**MZH : Sejarah Kampung Laut disini?**

P.S : Kampung Laut adalah *peseberang* [seberang] berdepan dengan Kota Bharu, dan ianya kawasan untuk orang-orang kampung bermiaga, dan juga ambil barang daripada Takbai. Sebelah bahagian Kelantan barat dan dia adalah pangkalan Kelantan barat yang penting di samping Pasir Pekan, dan dia di namakan Kampung Laut kerana dianya menghala ke laut. Waktu tu delta sungai Kelantan agak dekat dengan laut. Sekarang baru delta tu jauh pergi, itu dipanggil Kampung Laut.

**MZH : Danau Tok Uban?**

P.S : Danau Tok Uban ialah satu danau besar, seluas laut dahulu, itu terletaknya ibu kota Kelantan lama iaitu Mendarajaya, dan disitulah dikatakan Gadjah Mada telah menzahirkan sumpah palapanya. Palapa Gadjah Mada iaitu

*Nusantara di bawah angin yang kumelintang,  
Siapa nak menentang netraku,  
Dapat kita lingkung mekung tolak gelembung,  
Buaya cenangat dapat kita cepli ruuk,  
Godaan angamalamustika.*

(Nusantara di bawah angin yang melintang,  
siapa hendak menentang biji matakku,  
kita lingkung kepung robohkan kekuatan mereka,  
kita kilas ikat buaya yang di tangkap,  
godam kepala mustikanya),  
kurang lebih begitulah, dan ia bercakap kepada panglima-panglima perangnya,  
Temenggung Gajah Benurung, Demang Kartalayung, Rangga Singa Barung dan  
Patih Jaya Tempurung.

**MZH** : Mengikut salasilah Long Ghaffar, anak-anak perempuan di beri nama dengan pangkal Tuan, Nan atau Nang. Apakah maksudnya?

P.S : Bukan Nan, tapi Nang. Nang itu Puteri. Nang bagi seorang wanita yang merdeka yang baik, bukan Nan, Nan tidak. Itu bahasa Siam.

**MZH** : Nama pangkal Nik di Kelantan?

P.S : Nik digunakan untuk Raja-raja Jembal.

**MZH** : Lepas tu masuk bab permainan tradisional seperti main Menora, Mak Yong, Main Peteri. Adakah permainan itu menyeru semangat ataupun permainan yang boleh dimainkan oleh semua orang?

**P.S** : Boleh dimainkan oleh semua orang. Kalau mendapat angin. Kalau bukan angin Mak Yong, dia angkat tari macam mana pun, tidak menjadi, dan ianya tidak bersangkut paut dengan keturunan. Cuma kalau keturunan ni cepat sikit, sebab dia *tengok* [lihat] ayah dia *duk main* [sedand bermain].

**MZH** : Permainan tradisional tersebut dipengaruhi dengan?

**P.S** : Dipengaruhi Siam, Patani, Kemir, Hindu.

**MZH** : Boleh ceritakan *sikit* [sedikit] tentang Menora?

**P.S** : Menora ialah satu seni tradisional orang Siam, kampung Melayu. Kalau di Kelantan ini seni untuk orang Melayu dengan Siam. Tetapi biasanya yang menjadi heronya lelaki, dan orang Siam, dan nyayiannya banyaknya Siam tetapi diterjemahkan dalam bahasa Melayu oleh inang yang bertanya dan pak menora akan jawab, dan ceritanya sudah menokok mengikut ragam Mak Yong iaitu dua belas [12] cerita. Antaranya cerita Mascahaya Kaca, Timun Muda, Anak Raja Gondang, Raja Besar Gading, Puteri Dewa Kecil, Raja Tangkai Hati, Raja Muda Lembik, Raja Dua Serupa, Betara Muda, Puteri Dewa Muda, Puteri Ratna Mas dan beberapa cerita baru daripada pengaruh Siam. Tapi kita asalnya begitulah.

**MZH : Adakah permainan ini semakin ditelan zaman?**

P.S : Semakin ditelan zaman dan hanya ada satu persatuan sahaja yang sedang mengimarahkan persatuan ini iaitu Persatuan Seni Budaya Seri Gelang, Tumpat, Kelantan, yang di pengurusikan oleh Siri Neng Buah (ketawa). Yang masih lagi mengadakan persembahan dan juga menglestarikan, menjaganya bersama dengan persatuan JKKN [Jabatan Kebudayaan Kesenian Negeri].

**MZH : Adakah wayang kulit diamalkan dari zaman dulu?**

P.S : Wayang kulit adalah sudah bertapak ribuan tahun. Dia bukannya Ramayana dan bukannya Mahatbrata, bukan apa-apa. Dia adalah satu permainan rakyat tempatan tetapi apabila rakyat tempatan ini beragama Hindu, dia bawalah Mahatbrata sebab dia beragama Hindu. Kalau sekarang ni dia bawa Amir Hamzah, dia bawa kisah-kisah zaman nabi, bawa tentang ibnu Baitutah, bawa tentang Saidina Umar, Saidina Umar Al-khatab, Umar Abdul Aziz tidak salahlah sebab dia beragama Islam. Jadi dia bawa Mahabratra, Ramayana dulu bukan kerana dia datang daripada Hindu, tetapi mereka memeluk Hindu menggunakan wayang kulit itu untuk menyebarkan Hindu.

MZH : *So [jadi], kesimpulannya, pada pandangan pak, adakah zaman Kelantan dahulu dan kini sangat ada ketara perubahan?*

P.S : Sangat ketara. Hari ini orang Kelantan tidak begitu menghiraukan (ketawa) satu, sejarah, kedua, tidak hiraukan seni budaya dan bahkan merasakan itu sebagai suatu yang beragam maksiat, syirik dan sebagainya.

MZH : Terima kasih diucapkan kepada P.S kerana sudi di temu bual pada hari ini. Terima kasih.

P.S : Terima kasih.

### TAMAT BAHAGIAN 3

# **LAMPIRAN**

# **LOG WAWANCARA**

## LOG WAWANCARA

### BAHAGIAN A

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
00.03.09	Latar belakang kehidupan (tokoh) pak siri	
00.03.26	Nama dan tempat dilahirkan	Kampung pakkiang (melayu), Besut, terengganu
00.10.15	Jumlah adik beradik	13 orang kesemuanya
00.12.48	Kehidupan sebelum berkahwin	
00.20.22	Kehidupan berumah tangga	Nama isteri: Mek Kechiom a/p Eh Phreng
00.22.45	Keluarga pak siri	3 orang anak
00.23.39 - 00.33.35	Latar belakang pendidikan pak siri -Kursus yang pernah dihadiri oleh beliau: Kelulusan tertinggi akademik: 1. Sarjana Muda sains kemasyarakatan (BSOC.HONS) 2. Pengajian sains politik dan kesusasteraan	Sekolah menengah kebangsaan biasa Sekolah Kebangsaan Kampung Keluang, Besut, Terengganu. Sekolah Umum Kampung Ketereh Sekolah umum Keluang (JAWI) Universiti Kebangsaan Malaysia Universiti Sains Malaysia (USM)

## BAHAGIAN B

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
00.01.35	<p>1. Asal usul kewujudan negeri kelantan dan nama negeri kelantan</p> <p>Mitos/sejarah kewujudan nama negeri kelantan</p>	<p>Gunung chinta wangsa Negeri kelantan Zaman prasejarah Negeri china Pattani thailand, kelantan Kuala krai Bukit panau</p>

## BAHAGIAN C

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
00.24.09	Pembahagian daerah atau jajahan dipengaruhi sejarah dahulu	<p>Kedai lalat Wakaf bharu Kota jembal Raja-raja jembal Keturunan long</p>

## BAHAGIAN D

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
00.47.0 5	Kebenaran cerita berkenaan puteri saadong	<p>Kota bharu Kota tegayung Kota jelasin Kota mahligai Kuala krai</p>

# **DIARI KAJIAN**

## DIARI KAJIAN

Berikut adalah tindakan yang dilakukan oleh penyelidik selepas mendapat kelulusan tajuk dari pensyarah yang memantau dan tindakan penyelidik sepanjang proses untuk mendapatkan tokoh untuk ditemubual serta membuat kertas cadangan.

TARIKH/HARI/ MASA	PERKARA	TINDAKAN
24/3/2016 Khamis 8.00-10.00 pg	Mendapat tugasan untuk subjek IMR604 Oral History iaitu topik cerita rakyat di negeri kelantan dan harus mencari seorang tokoh untuk diwawancara.	Mendapat kelulusan tajuk daripada pensyarah. Mula mencari maklumat.
25/3/2016 Jumaat 10.00-12.00	Mencari maklumat mengenai kewujudan negeri kelantan.	Mengumpul semua bahan yang dicari di laman sesawang dan blog sejarah berkaitan kewujudan negeri kelantan untuk dibuat kertas cadangan.
27/3/2016 Ahad 10.00 pg	Mendapatkan maklumat tentang tokoh yang ingin diwawancara di Istana JAHA.	Setelah mendapat alamat rumah dan no telefon tokoh yang berpengalaman iaitu Encik Siri Neng Buah. Penyelidik terus menuju ke rumah tokoh tersebut yang beralamat di Kok Seraya, Tumpat,Kelantan.
31/3/2016	Menelefon Encik Siri Neng Buah bertanyakan mengenai pertemuan	Menemubual dalam masa yang singkat tentang serba ringkas

Khamis 11.00 pg	untuk ditemubual secara ringkas.	tentang biodata beliau. Seterusnya penyelidik membuat temujanji untuk pertemuan yang seterusnya iaitu pada 2 April 2016.
2/4/2016 Sabtu 10.00 pg	Penyelidik pergi ke rumah Encik Siri di Kok Seraya, Tumpat, Kelantan dan berjumpa beliau secara tidak formal.	Penyelidik berjumpa dengan Encik Siri dan berbincang mengenai soalan-soalan yang berkaitan dengan kewujudan negeri maklumat serta ingin mencapai objektif dalam wawancara yang bakal dilakukan.  Penyelidik juga memperoleh banyak maklumat dan pengetahuan serta idea-idea yang membina daripada Pak Siri.
23/4/2016 Sabtu 4.00 – 6.00 petang	Penyelidik pergi ke rumah Encik Siri di Kok Seraya, Tumpat, Kelantan dan berjumpa beliau secara formal untuk ditemubual.	Penyelidik telah menyiapkan peralatan yang diperlukan sebelum temubual dimulakan. Sepanjang temubual sedang dijalankan, penyelidik telah merekod video dan juga audio menggunakan kamera, mikrofon dan juga telefon pintar. Penyelidik menemu ramah Encik Siri mengikut soalan yang telah disediakan dan mencapai objektif kajian. Setelah selesai temubual bersama tokoh, penyelidik memberikan sedikit cenderahati

		sebagai tanda ingatan terima kasih kerana sudi ditemubual dan penyelidik beredar pulang.
--	--	--

# **SENARAI SOALAN**

## **SENARAI SOALAN**

1. Apakah nama sebenar Pak?
2. Di manakah pak dilahirkan?
3. Di manakah pak dibesarkan?
4. Sebelum menetap di sini, dimanakah pak menetap?
5. Boleh ceritakan serba sedikit mengenai perjalanan kehidupan pak?
6. Berapa bilangan adik beradik dalam keluarga pak?
7. Bilakah pak mendirikan rumah tangga?
8. Siapakah nama isteri?
9. Berapakah bilangan anak pak?
10. Adakah semuanya menetap sekali sekarang?
11. Apakah hobi pak di masa lapang?
12. Bagaimana pula tentang latar belakang pendidikan pak?
13. Apakah pengalaman suka dan duka pak dalam bidang pendidikan pada masa dahulu
14. Adakah tahap pendidikan memberikan impak yang besar sehingga menjadi berjaya sekarang?
15. Apakah seni budaya/alat muzik kegemaran pak?
16. Berapa lamakah pak di dalam bidang sejarah ini?
17. Apakah jawatan yang pernah disandang oleh pak?
18. Apakah sumbangan yang telah diberikan oleh pak sebelum ini?
19. Berapakah kejayaan yang amat membanggakan pak sehingga ke hari ini?
20. Adakah terdapat aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pak di sini seperti latihan menora?
21. Boleh ceritakan sedikit tentang tarian menora tersebut
22. Selain boleh membaca, menulis dan bertutur dalam bahasa melayu, bahasa apakah lagi yang boleh dituturkan?
23. Bilakah tarikh yang tepat asal kewujudan Kelantan? 1411M (814H)
24. Bagaimanakah keadaan negeri kelantan di masa awal kewujudannya?
25. Siapakah yang menjumpai negeri kelantan dahulu?
26. Apakah tarikh yang tepat mengenai pembukaan negeri Kelantan?

27. Bagaimakah perjalanan dan pembukaan negeri Kelantan dahulu.
28. Adakah setiap cerita asal usul kewujudan nama negeri Kelantan mempunyai kebenaran yang sah?
29. Berapa banyakkah versi cerita atau mitos mengenai asal usul nama kewujudan Kelantan yang diceritakan oleh orang ramai?
30. Bagaimana wujudnya gelaran nama negeri kelantan dengan ‘Cik Siti Wan Kembang’ dan ‘Serambi Mekah’?
31. Adakah terdapat gelaran nama yang lain bagi negeri Kelantan?
32. Apakah mitos atau sejarah sebenar kewujudan nama negeri Kelantan?
33. Adakah pelbagai cerita mengenai asal usul nama kelantan dari banyak pihak?
34. Bagaimana untuk mengetahui cerita yang tulen tanpa ada tokok tambah daripada mana-mana pihak?
35. Adakah Kelantan dulu dan kini sudah banyak perubahannya?
36. Bagaimakah dengan keadaan ekonomi di negeri Kelantan pada masa dahulu?
37. Bagaimakah keadaan budaya di negeri Kelantan pada masa dahulu?
38. Adakah pembahagian daerah atau jajahan di negeri Kelantan dipengaruhi sejarah dahulu?
39. Apakah kesemua jajahan yang wujud sekarang menjadi keseluruhan negeri Kelantan pada waktu penubuhan dahulu?
40. Bagaimakah wujudnya nama-nama tempat di setiap daerah di negeri Kelantan?
41. Negeri Kelantan mempunyai seni budaya tradisional yang unik, apakah contoh seni budaya tradisional unik yang tersebut?
42. Apakah sejarah persinggahsanaan di negeri Kelantan?
43. Kerjasama yang baik terjalin di antara kerajaan Raja Loyor dahulu dengan negara china?
44. Sultan Ahmad, telah berkahwin dengan Cik Banun Puteri Seri Nara DiRaja keturunan diRaja Pahang adalah ibunda dan ayahanda Cik Siti Wan Kembang. Adakah ini sekadar mitos atau kenyataan?
45. Apakah sumber yang boleh dipercayai untuk sejarah seperti ini?

46. Adakah salasilah keluarga Cik Siti Wan Kembang dari darah keturunan diraja negeri perak dan negeri pahang?
47. Pada tahun 1610M (1018H) Cik Siti Wan Kembang ditabalkan menjadi Permaisuri Kelantan, adakah benar kenyataan ini?
48. Apakah hubungan di antara Cik Siti Wan Kembang dengan Puteri Saadong?
49. Baginda bersemayam di Gunung Chinta Wangsa, Ulu Kelantan, ke arah tenggara Kuala Krai. Adakah benar wujudnya gunung tersebut?
50. Apakah kesan peninggalan gunung tersebut hingga ke hari ini?
51. Bolehkah ceritakan serba sedikit mengenai Gunung Chinta Wangsa tersebut?
52. Puteri Saadong seorang gadis ayu yang cantik dan jelita, digelar oleh penduduk Gunung Chinta Wangsa sebagai Puteri Wijaya Mala. Adakah terdapat sejarah di gunung chinta wangsa ini?
53. Adakah nama gelaran Puteri Saadong tersebut diterjemahkan di dalam bahasa yang lain?
54. Apakah maksud Puteri Wijaya Mala tersebut?
55. Puteri Saadong dimahkotakan di Kota Tegayong (Tanah Serendah Sekebun Bunga, Cherang Tegayong) dan kemudiannya dipindahkan ke Kota Jelasin di Kota Mahligai. Dimakah lokasi tempat tersebut?
56. Adakah Puteri Saadong dari susur-galur Raja Jembal?
57. Di manakah lokasi kerajaan raja jembal yang dahulu?
58. Adakah lokasi tersebut dijadikan pusat tarikan pelancongan sekarang?
59. Bagaimanakah nama tempat digelar sebagai Tanah Serendah Sekebun Bunga dan ianya masih diguna pakai sehingga ke hari ini?
60. Apakah maksud Tanah Serendah Sekebun Bunga?
61. Dimanakah letaknya Tanah Serendah Sekebun Bunga?
62. Adakah nama tempat sekarang seperti bunohan, bukit mas, bukit panau, lundang mempunyai sejarahnya yang tersendiri?
63. Boleh ceritakan serba sedikit mengenai sejarah nama-nama tempat tersebut?
64. Bagaimanakah boleh terjadinya nama-nama tempat yang unik di negeri kelantan?

65. Di manakah letaknya Kota Tegayong, Kota Jelasin dan Kota Mahligai di negeri Kelantan?
66. Apakah maksud Cherang Tegayong?
67. Di manakah letaknya lokasi tersebut?
68. Di daerah tumpat, Kelantan terdapat banyak nama tempat yang menarik seperti Kok Bedellah, Kok Majid, Kok Seraya. Adakah terdapat cerita atau sejarah di sebalik nama tempat ini/?
69. Bagaimanakah dialek negeri Kelantan wujud?
70. Adakah pengaruh yang kuat dari pedagang-pedagang yang datang bermiaga?
71. Sejarah dan cerita yang terdapat di Kampung Laut, Tumpat meninggalkan sejarah hingga ke hari ini, sejauh manakah kebenaran cerita ini?
72. Selain Tok Janggut dan Tok Kenali, siapakah lagi lagenda yang terkenal di negeri Kelantan?
73. Adakah perdana menteri berketurunan Long Gaffar masih ada generasinya sekarang?
74. Mengikut salasilah keturunan Long Gaffar, anak-anak perempuan diberi pangkal nama Tuan di Kelantan, atau "Nan" atau "Nang" di Terengganu, apakah maksud awal pangkal nama tersebut?
75. Adakah pangkal nama Nik di kelantan turut mempunya salasilah dengan keturunan di raja?
76. Bagaimanakah salasilah sultan-sultan yang pernah bertakhta di Kelantan dikaitkan dengan zaman pemerintahan keturunan Jembal?
77. Adakah permainan tradisional di negeri Kelantan dipengaruhi dengan China dan India yang datang berdagang?
78. Main Peteri, Menora dan Mak Yong mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Boleh jelaskan dengan terperinci perihal tarian tersebut?
79. Bagaimana pula dengan dikir barat yang sangat popular di Kelantan?
80. Adakah ianya dikatakan sebagai penyeru semangat?
81. Adakah permainan tradisional ini semakin ditelan zaman oleh masyarakat hari ini?
82. Siapakah yang berpengalaman dalam wayang kulit dari dahulu hingga sekarang?

83. Adakah tok dalang memainkan peranan utama dalam wayang kulit?
84. Adakah cerita yang disampaikan dalam wayang kulit sekadar dongeng sahaja atau terdapat kebenaran?
85. Di Kelantan terdapat banyak gunung, adakah sejarah yang masih tersimpan rapi sehingga kini tiada siapa megetahuinya?
86. Apakah yang menyebabkan gunung di sini dinamakan sebagai Gunung ayam dan gunung ikan?
87. Boleh ceritakan sedikit perihal gunung tersebut?
88. Gunung Stong juga merupakan salah satu tarikan di Kelantan untuk aktiviti mendaki gunung, adakah gunung reng, di Jeli juga mempunyai misteri yang tersendiri?
89. Terdapat banyak pantai di Kelantan, adakah hal ini menyebabkan Kelantan sangat terkenal dengan pedagang-pedagang dari luar pada dahulu kala?
90. Pantai irama di Bachok, mempunyai cerita di mana terdapat sebuah batu menyerupai seekor burung yang seakan-akan sedang terbang dari laut di tepi pantai. Adakah benar cerita tersebut atau sekadar mitos?
91. Pantai Irama juga menyimpan sejarah pahit tanahair kerana menjadi tempat pendaratan utama tentera jepun di Tanah Melayu pada zaman Perang Dunia Kedua dahulu. Bagaimanakah masyarakat zaman dahulu menghadapinya?
92. Boleh ceritakan sejarah tersebut secara ringkas?
93. Adakah cerita mengenai danau tok uban benar-benar wujud?
94. Sejarah Pasir Mas dikaitkan dengan penemuan mangkuk emas, bagaimanakah kesahihan cerita tersebut?
95. Mengikut sejarah melayu,Tanah Merah merupakan Ibu Kota bagi Kerajaan Melayu lama iaitu Kerajaan Chi Tu, adakah ianya benar?
96. Bagaimanakah tanah merah mendapat nama?
97. Terdapat satu penempatan dan pemerintahan berpusat kerajaan yang di kenali sebagai Chi Tu (Bumi Merah) Adakah tanah merah mendapat nama dari kerajaan china dahulu?
98. Kesimpulannya, adakah semua nama tempat di negeri kelantan diambil sempena sejarahnya?

99. Adakah kewujudan negeri kelantan sudah mula terkenal sejak penubuhannya dalam kalangan pedagang?
100. Pada pandangan pak, adakah terdapat perbezaan negeri kelantan dulu dan kini pada zaman sekarang?

# **SURAT PERJANJIAN**



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ENCIK SIBI NENG BUAH ..... Pada 23/4/2016 .....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam, penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyalidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh) dan tidak boleh ~~dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersian.~~ Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengisah

49 Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.

## **GAMBAR**



Pengarah Bahagian Jabatan Warisan Negara Siri Neng Buah Mewakili Pesuruhjaya Negara menyempurnakan Simbolik Penyerahan Pakaian Menora.



Siri Neng Buah menyampaikan ucapan beliau dalam Perasmian Mesyuarat Agung di Persatuan Siam Kedah tahun 2010



**Artikel Siri Neng Buah mengenai luahan hati beliau berkenaan dengan kesusasteraan bahasa melayu.**



Siri Neng Buah Merupakan Salah Seorang Pakar Rujuk Dewan Bahasa Dan Pustaka Yang Diiktiraf Di Malaysia.

# **INDEKS**

## INDEKS

### A

- Anak Raja Gondang 35  
 Aswara 8

### B

- Bahasa Inggeris 10  
 Besut 2, 10, 37  
 Buah Arang 22  
 Buah Terajang 22  
 Bukit Pinar 14  
 Bunohan 32

### C

- Candi 3  
 Catatan China 14, 21  
 Cerang Tegayung 30  
 Cik Siti Wan Kembang 14, 29, 30, 43, 44

### D

- Danau Tok Uban 33  
 Demang Kartalayung 33

### E

- Empayar Chermin 14  
 Empayar Karimun 22  
 Empayar Melaka 14, 29  
 Empayar Nyanyian Sang Bunga 14  
 Encik Siri Neng Buah 1, 39

### G

- Gajah Mada 33  
 Gelam Hutan 14  
 Gelamtan 14  
 Gua Musang 22  
 Gunung Chinta Wangsa 14, 44

### J

- Jabatan Kebudayaan Kesenian Negeri 35  
 Jajahan 14, 22, 38, 43  
 Jajahan Takluk 22  
 Jerangkap Ikan 32

### K

- Kampung Cerang Tegayung 30  
 Kampung Laut 33, 45  
 Kampung Pak Kiang 2  
 Kawasan Jembal 22  
 Kawasan Pemakanan 22  
 Kedai Lalat 22  
 Kelantan 1, 3, 10, 14, 21, 22, 27, 28, 29, 30, 31, 33, 34, 35, 36, 39, 40, 42, 43, 44, 45, 46  
 Ketereh 10, 30, 37  
 Keturunan Long 38  
 Kilatan Saji 14, 21  
 Kilat-Kilatan 14  
 Kok Seraya 1, 39, 40, 45  
 Kota Bharu 6, 10, 31, 32, 33  
 Kota Jelasing 31  
 Kota Jembal 28  
 Kota Mahligai 31, 32, 44, 45  
 Kuala Lumpur 5, 6, 9

### L

- Lembah Sirih 32  
 Limau *Kelat Lete* 21, 22  
 Limau Kelat Tan 21  
 Limau Kerat Lintang 21  
 Lojing 22  
 Long 27, 28, 34, 45  
 Lundang 32

	<b>M</b>	
Mak Yong		34, 35
Malaysia		1, 2, 13, 14, 37
Medang Kemulai		14
Melor		31
Menora		22, 35, 45
	<b>N</b>	
Narathiwat		22
Negeri Majapahit		21
	<b>P</b>	
Pak Siri		1, 10, 22, 40
Palembang		14, 29
Panau		14
Pantai Cahaya Bulan		22
Patih Jaya Tempurung		33
Petai Jeruk		22
Pinar		14
Pokok Limau		21
Puteri Saadong		26, 27, 28, 29, 30, 44
Puteri Wijayamala		29
	<b>R</b>	
Raja Sampugita		14
Ramayana		36
	<b>S</b>	
Serendah Sekebun Bunga		30, 44
		<b>T</b>
Siam		2, 3, 6, 8, 10, 29, 30, 33, 34, 35
Singapura		14
Songkran		3
Sri Wijaya		14
	<b>U</b>	
UiTM Machang		1
	<b>V</b>	
Versi		14, 21, 43
	<b>W</b>	
Watt		3, 10
	<b>Z</b>	
Zaman Maseolitik		14
Zaman Pra-Sejarah		14
Zaman Sampugita		21